

2. BAB II

PEMBINAAN SAHSIAH BELIA.

2.1. PENGERTIAN SAHSIAH

Perkataan sahsiah berasal dari perkataan Arab *al-Syakhs* yang *jama`nya* disebut *Asykh* bermakna mengandungi sifat-sifat yang membezakan seseorang dengan seseorang yang lain termasuk lelaki dan perempuan (*al-Munjid*, 1982: 386). Daripada perkataan *al-Syakhsiyah* dalam bahasa Arab, maka terbina perkataan Sahsiah dalam bahasa Melayu dengan erti yang sama (DBP, 1992: 2). Mengikut *kamus Dewan* perkataan sahsiah bermakna keperibadian. Erti keperibadian yang utama ialah menuntut ilmu dan melengkapkan proses pembinaan peribadi untuk menjadi insan yang terpuji (Noresah Bahrom, 1994: 1169).

Makna utama kepada perkataan sahsiah ialah menerangkan sifat atau sikap seseorang yang sudah sehati dengan dirinya dan membezakannya daripada orang lain (DBP, 1992: 509).

Mengikut *Kamus Lengkap*, peribadi dalam bahasa Inggerisnya disebut *personal, private, individual, of or for a person; characteristics, ature, mental or moral qualities that make one person different from others*. Ia juga menerangkan; sifat-sifat, kelakuan, sikap seseorang yang merupakan wataknya yang terasing dari yang umum (Awang Sudja Hairul, Yusof Khan, 1977: 816).

Allport menerangkan, takrif peribadi sebagai sesuatu yang sama dengan konsep organismic tingkah laku yang disebutkan sahshiah. Ia di anggap satu organisme sistem zahir batin psychophysical yang dinamik di dalam diri seseorang yang menentukan penyesuaian dengan alam persekitaran dengan cara yang unik atau tersendiri (Gardon W. Allport, 1937: 48).

Wan Azmi Ramli mengatakan, perkataan sahshiah mengandungi erti yang antaranya ialah penentu pada tingkah laku berpusat dalam individu daripada persekitaran alam sekeliling. Sahshiah itu berupa satu organisme bukanlah hanya yang terbahagi kepada proses-proses terasing. Sahshiah ialah merupakan zahir dan batin, fizikal dan mental terjalin tanpa dapat dipisahkan dengan penggunaan istilah Psychophysical itu. Setiap alam persekitaran seseorang serta penyesuaiannya itu adalah unik baginya bergantung kepada corak tanggapannya yang sering pula berubah. Proses-proses kesahshiaan seperti motif, tabiat umum dan sebagainya sering berubah, sering membentuk dan menyesuaikan supaya mencapai keseimbangan (Wan Azmi Ramli, 1986: 101-102).

Dalam *Kamus Sosialogi* sahshiah ialah proses yang dialami seseorang sehingga mempunyai ciri-ciri tersendiri yang berbeza dengan rakannya (Seokanto, S. H. M. A., 1985: 235).

Dari beberapa takrifan dan pengertian sahshiah di atas dapatlah disimpulkan bahawa sahshiah ialah suatu sifat atau sikap seseorang yang

sudah sehati dengan dirinya yang membezakan dengan seseorang yang lain. Sahsiah adalah diri seseorang itu secara objektif atau sebagai nama pada dirinya dan membentuk mengikut penyesuaian hidup dengan alam sekeliling yang berubah-ubah bagi mencapai perseimbangan.

2. 2 KEPENTINGAN PEMBINAAN SAHSIAH BELIA

Secaranya ringkasnya, penulis akan membincangkan di sini tentang kepentingan sahsiah belia. Untuk melihat tentang kepentingan tersebut dibincangkan beberapa pendapat mengenai sahsiah belia yang dibangunkan dan kesannya. Begitu jika sahsiah belia yang tidak dibangunkan serta akibatnya kepada belia sepertimana berikut;

a. Sahsiah Belia Yang DiBangunkan

Sahsiah belia yang dibangunkan merupakan asas kepada keseimbangan hidup mereka di dalam masyarakat dan negara. Kelemahan generasi belia amat bergantung kepada sejauh mana mereka itu berpegang teguh kepada perinsip agama Islam. Pembinaan sahsiah belia adalah suatu persediaan yang mesti, agar mereka mengikut jalan yang diredai Allah s.w.t. dan mempunyai niat yang ikhlas dalam setiap amalannya. Dalam membangunkan tamadun yang besar ia memerlukan generasi belia yang tinggi sahsiahnya dan mempunyai keazaman dan tekañ yang kuat.

Bagi membincangkan persoalan ini kajian akan membawa beberapa pendapat daripada beberapa tokoh sepertimana berikut;

Seorang tokoh Islam masakini al-Qaradawi mengatakan, generasi belia yang berjaya dengan cemerlang ialah generasi yang memiliki didikan Islam secara komprehensif, akalnyanya dibekalkan dengan semua ilmu, badan dilatih dengan segala kekuatan ibadat khusus dan umum serta sahsiahnya ditanam dengan nilai murni dan mulia (al-Qaradawi, 1996: 29).

Menurut Harun Din, hakikatnya, ada kelemahan dan kekurangan pada diri belia dalam menghadapi cabaran hidup. Oleh itu bagi mengatasi kelemahannya itu, belia harus mencari dan memiliki sahsiah yang baik dengan hidayah Allah s.w.t. Sahsiah yang baik merupakan asas kepada generasi belia yang cemerlang dan melahirkan rakyat yang dapat menyumbangkan tenaga kepada mencapai wawasan negara (Harun Din, 1991: 97-100).

An-Najwa Ismail menyebutkan, agama merupakan faktor penting dalam membangunkan kecemerlangan peribadi seseorang belia. Agama menjadi pengikat dan mesti ditanamkan dengan keyakinan yang kuat kepada Allah s.w.t. Dengan keyakinan yang kuat ini belia akan faham bahawa kehadiran mereka di dunia ini, adalah beramal soleh kepada Allah s.w.t. dan tidak akan melakukan perkara-perkara buruk. Kerana suatu hari nanti mereka akan dipersoal oleh Allah s.w.t. Mereka akan ditanya

mengenai tanggungjawabnya terhadap ibu bapa, masyarakat dan negara (An-Najwa Ismail, 1998: 15-16).

Dengan keimanan yang kuat mereka akan menjadi golongan belia yang baik dengan menjauhkan dirinya daripada perkara-perkara yang buruk. Dalam menghadapi cabaran atau masalah yang berbagai bentuk mereka perlu banyak bersabar dan bermunajat kepada Allah s.w.t. memohon pertolonganNya. Mereka sentiasa mentaati syariat Allah s.w.t. seperti Sembahyang lima waktu, menutup aurat dan sebagainya. Mereka mengutamakan Allah dalam setiap hal dan akan menjauhi pergaulan bebas serta menjaga maruah diri. Apabila hendak berumah tangga mereka akan memilih pasangan yang taat dengan suruhan agama sebagai syarat utama memilih jodoh. Kejayaan mereka tidak diukur di sudut akademik semata-mata. Tetapi diukur kepada sejauh mana mereka dapat mentaati perintah Allah dan RasulNya berpandukan keperibadiannya yang baik (*Ibid*).

Rosihin Abdul Ghani menyebutkan, dalam pembinaan kanak-kanak yang paling penting ialah pendidikan akhlak, kerana ia akan membesar menjadi belia bersamaan dengan kebiasaan pada waktu kecil. Jika baik maka ia akan baik dan jika sebaliknya, maka buruklah sahsiahnya. Wajib bagi Ibu bapa untuk menjauhkan anak-anak daripada tempat maksiat dan kata-kata yang kotor. Kerana keadaan yang kotor dan maksiat akan menjadi rumit untuk menjauhkannya setelah mereka menjadi belia (Rosihin Abdul Ghani, 1984: 127).

Menurut Facruddin Hs, hati yang suci dan jiwa yang bersih diumpamakan bumi yang subur. Dari jiwa yang bersih lahirnya sahsiah yang subur dan perbuatan yang baik serta amat berguna kepada belia. Jiwa yang kotor dan hati yang jahat, sukar diharapkan lahirnya perbuatan-perbuatan yang baik. Oleh itu, jika ingin berkembangnya perbuatan baik yang menjadi sendi pembangunan masyarakat, maka perlunya sahsiah yang bersih. Sahsiah yang buruk, sulit untuk membangun, bahkan lebih mudah dan cepat menuju kehancuran. Seseorang belia yang beriman mempunyai cahaya terang sahsiahnya dan dapat membimbing kejalan yang benar. Sebab itu, beruntunglah generasi belia yang beriman, kerana sahsiah mereka boleh menjadi guru yang selalu memberi nasihat kepada mereka supaya menganjurkan perbuatan baik dan menjauhi perbuatan jahat (Fachruddin Hs., 1985: 72-74).

Suhaimi Yasin pula mengatakan, ikrar dalam sembahyang yang di baca dalam doa iftitah sembayang dapat melahirkan dua asas pembentuk sahsiah yang dapat dilaksanakan; pertama, penyerahan diri secara langsung kepada Allah dan kedua, tidak melakukan sesuatu yang berupa menyengutkan Allah. Dengan penyerahan diri ini, segala amalan dan aktiviti yang dilakukan seharian adalah di bawah petunjuk Allah. Dengan tekad dan niat ini dengan sendirinya seseorang belia tidak melakukan perbuatan mungkar yang tidak diredaiNya. Segala permintaan atau permohonan dibuat secara langsung kepada Allah dan tidak melalui sebarang perantaraan. Jika melalui perantaraan itu dengan tidak disadari telah menyegutkanNya. Dengan dua asas ini, maka terbentuklah sahsiah

atau peribadi belia muslim yang sentiasa menyerahkan diri sepenuhnya semata-mata kerana Allah dan tidak melakukan perkara-perkara yang tidak baik dalam hidupnya (Suhaimi Yasin, 1992: 27-28).

Ahmad Ibrahim Shukri juga menyebutkan, sahsiah yang baik bukan sahaja seseorang belia itu menunaikan ibadat khusus dan berakhlak baik seperti sembahyang, puasa, tidak minum arak dan sebagainya, tetapi juga ia meliputi segala lapangan hidup baik rohani, jasmani, dunia dan akhirat (Ahmad Ibrahim Shukri, 1992: 94-96).

Dari beberapa pendapat dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sahsiah belia yang dibangunkan dan menjadi baik sangat diperlukan. Sahsiah belia yang baik sebagai asas untuk mencapai kejayaan cemerlang dalam berbagai lapangan hidup dan dapat menghindari dari segala keburukan. Didikan jiwa dan akhlak sejak kecil akan melahirkan masyarakat belia yang membesar dengan sahsiah yang baik dan jiwa yang suci. Bagi mencapai sahsiah yang baik generasi belia mestilah menjadikan agama sebagai panduan hidup. Jika sahsiah belia itu di biarkan kotor oleh sifat-sifat yang buruk, maka ianya boleh menjadi penghalang bagi perbuatan baik serta lebih mudah terjerumus kearah kejahatan dan kehancuran.

b. Sahsiah Belia Yang Tidak DiBangunkan

Akibat dari sahsiah belia yang tidak dibangunkan, wujudnya pergaulan bebas anak-anak muda dipasaraya-pasaraya, panggung-panggung wayang, taman-taman rekreasi, pusat-pusat hiburan, melakukan jenayah dan sebagainya. Nilai kesopanan dan kesusilaan yang menjadi amalan agama telah dilupakan. Gejala ini juga membawa kepada merebaknya pengaruh dadah dan sebagainya khususnya ke atas generasi Melayu hari ini.

Bagi membincangkan persoalan tersebut, kajian mendapati beberapa pendapat tentang gejala buruk akibat dari sahsiah belia yang tidak dibangunkan sepertimana berikut;

Mengikut Abdullah Fahim, akibat dari sahsiah yang tidak dibangunkan mengenai kajiannya tentang amalan Sembahyang di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati; fakta yang ada tidaklah membanggakan dengan 26.0% (5 kali sehari), 29.17% (4 kali sehari), 14.17 % (3 kali sehari), 15 % (2 kali sehari), 12.08% (1 kali sehari dan 2.9 % tidak pernah sembahyang (Abdullah Fahim, 1986: 12).

Dari sahsiah yang buruk juga mendapati, kajian Bahagian Penyelidikan Kementerian Penerangan yang meliputi 9.3 juta penonton TV belia yang berumur 15 tahun mendapati 82.1 peratus gemar menonton

rancangan berbentuk tahyul, 80.7 peratus adengan seks dan 72.8 peratus babak ganas (*Mastika*, Jun 1994: 20).

Mengikut kajian yang diketuai oleh Azimin Hamzah ke atas masyarakat yang berumur 15-19 tahun di seluruh Semenanjung terhadap 1077 orang lelaki dan perempuan semua bangsa mendapati; bahawa belia Malaysia terlibat dengan amalan seksual, pengambilan bahan dadah, jenayah dan perbuatan membuang masa. Belia kontemporari Malaysia pula terlibat dengan menonton/membaca bahan lucu, bercumbuan, zina, bersekedudukan dan terlibat dengan aktiviti homoseks/lesbian. Hampir setengah daripada mereka pernah menonton/membaca bahan lucu; 15.1 peratus terlibat dalam seks bebas dan seorang daripada empat orang belia pernah bercumbuan. Semuanya itu berlaku, akibat dari sahsiah masyarakat tersebut tidak dibangunkan dengan sewajarnya (Azimi Hamzah, *Op. cit*: 57-58).

Bagi kes jenayah harta benda yang dilakukan oleh belia yang buruk sahsiahnya sepertimana rajah di bawah;

Jenis Jenayah/ Tahun	1993	1994	1995
Pecah Rumah	539	430	472
Curi Kenderaan	347	325	406
Lain-lain Kecurian	622	605	728
Jumlah	1508	1360	1606

Bagi kes jenayah pada rajah di atas menunjukkan tangkapan belia terhadap kes tersebut sebanyak 1508 kes pada tahun 1993, 1360 kes tahun 1994 dan 1606 kes pada tahun 1995. Perbuatan mencuri menunjukkan antara yang kerap dilakukan oleh golongan ini. Pecah rumah dan mencuri pada tahun 1993 sebanyak 539 kes, menurun pada tahun 1994 sebanyak 430 kes dan meningkat sebanyak 472 kes pada 1995. Manakala mencuri kenderaan pula pada tahun 1993 sebanyak 347 kes, menurun 325 kes pada tahun 1994 dan meningkat 406 kes pada 1995. Kecurian lain pula 622 kes pada tahun 1993, 605 kes menurun pada tahun 1994 dan meningkat 728 kes pada tahun 1995 (*Watan*, 9/9/1996: 5)

Mengikut Muhyidin Mohd Yasin (bekas Menteri Belia Dan Sukan Malaysia), sekiranya tidak ada usaha-usaha untuk membangunkan sahsiah belia bagi membimbing dan membentuk generasi belia abad 21 yang benar-benar mantap sahsiahnya, maka perancangan yang diatur oleh pemerintah akan terpinggir dan akhirnya terbengkalai untuk golongan ini (Muhyiddin Mohd. Yasin, 1996, hal: 80).

Suroya Selamat dan Nik Ismail Che Muda mengatakan, boleh dikatakan setiap hari media-media tempatan menyiarkan berita berhubung dengan masalah sosial di kalangan belia seperti penagihan dadah, HIV, peras ugut, lumba haram, lari dari rumah, dera dan sebagainya. Semua gejala ini berlaku akibat dari sahsiah belia yang tidak dibangunkan. Belia perlu mengamalkan sahsiah yang tinggi dalam hidupnya (Suroya Selamat dan Nik Ismail Che Muda, *Op.cit*: 2).

Ismail Ibrahim Mengatakan, dari sudut ekonomi, jika sahsiah golongan belia tidak dibangunkan, nilai-nilai yang negatif telah menjadi amalan hidup mereka. Sebagai contohnya, budaya selesa menular kelas atasan dan kelas menengah baru dengan gaya hidup bersandarkan hutang dalam bentuk yang dikenali sebagai sewa beli dan menggunakan kad kredit yang canggih. Begitu juga sikap gemarkan barangan import dari barangan tempatan. Belia perlu mengkaji gaya hidup yang perlu diubah bagi membantu memulihkan ekonomi (Ismail Ibrahim, 1999: 16).

Menurut Mutaffa Kamil Ayub, masa depan golongan belia hari ini menampakkan cabaran yang kian canggih akibat buruknya sahsiah mereka. Oleh itu mereka mestilah mempersiapkan diri mereka dengan keilmuan dan jiwa yang suci dan seumpamanya bagi membina generasi abad ke-21 dalam mencorakkan negara melalui Wawasan 2020 yang berdaya maju (Mustafa Kamil Ayub, *op. cit.*: 169)

Azimi Hamzah dan Turiman Suandi dalam tulisan yang lain mengatakan, sahsiah belia yang tidak dibangun akan berhadapan dengan banyak cabaran seperti terdedah dengan jenaayah dan salah laku, belia yang hidup dalam kemiskinan, belia menganggur, belia menyalahgunakan dadah, belia dengan masalah kekeluargaan dan banyak lagi (Azimi Hamzah dan Turiman Suandi, 1999: 67).

Sebagai kesimpulannya akibat dari sahsiah belia yang tidak dibangunkan, dapat menyaksikan beberapa gejala yang tidak sihat berlaku

di kalangan belia. Nilai kesopanan dan kesusilaan yang menjadi amalan agama telah dilupakan. Oleh itu, kesan sahsiah yang buruk itu akan membawa kepada merebaknya penyakit sosial yang membimbangkan seperti mengabaikan ajaran agama, mengamalkan budaya hidup dengan nilai-nilai negatif, penyalahgunaan dadah, seks bebas, lepak dan sebagainya.

2.3. PROGRAM-PROGRAM BINA SAHSIAH BELIA MASA KINI.

Pada masa ini terdapat beberapa agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan yang melaksanakan beberapa program bagi membina sahsiah golongan belia di negara ini. Agensi-agensi berkenaan berusaha bagi memastikan pencapaian matlamat ketinggian sahsiah yang diperlukan khususnya kepada golongan belia. Kajian ini telah menemui beberapa institusi yang berusaha melaksanakan beberapa program pembinaan sahsiah khususnya kepada golongan belia yang menjadi fokus utama ke arah pembangunan insan masakini.

Di antara agensi-agensi kerajaan ialah;

1. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

a. Pengenalan Ringkas Kelahirannya

Pada tahun 1968, Persidangan Majlis Raja-Raja Malaysia telah memutuskan perlunya suatu badan dalam usaha pembangunan dan kemajuan umat Islam di Malaysia. Menyedari hakikat itu satu urusetia kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah ditubuhkan. Urusetia tersebut telah dikembangkan sebagai Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri yang kemudiannya dinaikan taraf lagi menjadi Bahagian Hal Ehwal Islam (selepas ini di sebut BAHEIS) (Sumber; Laman Web, Sejarah Penubuhan JAKIM, 2000).

Selaras dengan pembangunan Islam yang bertambah mantap di negara ini, maka pada 1 Januari 1997 kerajaan telah menubuhkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (selepas ini di sebut JAKIM) ditubuhkan untuk mengambil alih kuasa dan peranan BAHEIS. Visi JAKIM ialah berperanan sebagai sebuah agensi kerajaan pusat bagi menguruskan pembangunan Hal Ehwal Islam ke arah melahirkan ummah yang progresif dan berakhlak mulia. Di antara fungsi JAKIM ialah bertanggungjawab bagi menentukan pembangunan dan kemajuan Hal Ehwal Islam, menyelesaikan masalah-masalah umat Islam dan melaksanakan program-program pembangunan ummah. Usaha-usaha ini dilaksanakan dalam berbagai aspek kerohanian khususnya yang di susun bagi memenuhi pengembangan fungsi melalui Bahagian Dakwah (*Ibid*).

Bahagian Dakwah telah ditubuhkan pada 1 Januari 1997 yang dahulunya dikenali sebagai Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH), Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri. Penubuhan ini bagi memenuhi

hasrat dan cita-cita umat Islam di negara ini yang ingin melihat wujudnya sebuah institut Dakwah yang bertanggungjawab melaksanakan dakwah di peringkat pusat. Menghadapi cabaran Wawasan 2020, INDAH kini telah memasuki fasa ke-2 dalam pelaksanaan program dengan menumpukan kepada aspek penghayatan dan pelaksanaan Islam oleh agensi kerajaan, swasta dan masyarakat di samping meneruskan program pengenalan dan kefahaman Islam.

b. Pelaksanaan Program dan Sambutannya

Di antara program-program yang dilaksanakan khusus bagi pembinaan sahsiah kepada golongan belia dan masyarakat umum ialah melalui ;

1. Kursus Penghayatan Islam dan Pembinaan Insan
2. Seminar Pembangunan Insan dan
3. Kursus Pemantapan Akidah

Pelaksanaan program-program tersebut dengan kerjasama JAKIM dengan agensi-agensi lain seperti pertubuhan belia, egseni-egensi kerajaan dan bukan kerajaan. Setiap program ini diadakan sebanyak tiga kali setahun mengikut negeri-negeri atau zon. Jumlah pesertanya terdiri daripada 40 hingga 100 orang bagi setiap aktiviti yang diadakan. Pesertanya terdiri daripada belia, pegawai kerajaan, peneroka, nelayan, pusat-pusat pemulihan dadah, penjara dan masyarakat umum di seluruh

negara. Pelaksanaan program dalam bentuk kursus selama tiga hari dua malam. JAKIM juga bertanggungjawab terhadap perbelanjaan dan pengisian program di dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan dengan kerjasamanya. Pengisian program melalui; penbentangan kertas kerja, forum dan ceramah umum yang menekankan dalam aspek seperti ibadat, akhlak, aqidah, kepimpinan dan sebagainya. Selain itu diadakan juga aktiviti-aktiviti sampingan seperti qiamulai, gotong royong dan lain-lain lagi (*Sumber; Laman Web, Sejarah Penubuhan Bahagian Dakwah, 2000*).

Sambutan peserta terhadap program-program yang dilaksanakan oleh JAKIM telah mendapatkan sambutan yang menggalakkan. Setiap program yang diadakan biasanya dihadiri oleh peserta melebihi kouta yang telah ditetapkan dan terpaksa pihak penganjur menambahkan peruntukan yang sedia ada. Setiap program diadakan berdasarkan kesediaan pihak-pihak tertentu seperti yang dirancang terlebih dahulu. Para peserta untuk mengikuti program-program tersebut telah dikenalpasti oleh pihak penganjur sebelum satu-satu program dilaksanakan lebih-lebih lagi agensi-agensi kerajaan (Temu bual dengan Tuan Haji Ahmad Hj. Ismail, Penolong Pengarah, JAKIM, pada 5/6/2000).

2. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

a. Pengenalan Ringkas Penubuhannya

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (selepas ini di sebut JAWI), merupakan sebuah urusetia Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Majlis ini ditubuhkan dengan menggunakan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor (1952) yang telah di ubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan 1974. Majlis ini merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab di atas segala hal ehwal Islam dan urusan pentadbiran di Wilayah Persekutuan. JAWI berfungsi bagi melaksanakan dasar-dasar yang diputuskan oleh Majlis di atas kuasa yang diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong selaku ketua agama di Wilayah Persekutuan (Enakmen Hukum Syarak Selangor, 1952: 3).

Kalau dirujuk kepada sejarah penubuhannya, maka didapati JAWI memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan. Kepentingan JAWI dapat dilihat dari objektif penubuhan iaitu untuk melahirkan sebuah masyarakat maju dengan menjadikan Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna berasaskan al-Quran dan al-sunnah serta terpelihara dari segi akidah dan syariah (Sumber; Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).

Fungsi JAWI antaranya ialah;

1. Melaksanakan program pendidikan umat Islam.
2. Melaksanakan program ekonomi umat Islam.

3. Mewujudkan aktiviti sosial dan kebajikan bagi faedah umat Islam.
4. Menyediakan tempat-tempat ibadat dengan secukupnya dan
5. Meningkatkan perkhidmatan agama kepada umat Islam (*Ibid*).

Dalam perkembangan terkini mulai Januari 1998, JAWI berada di bawah pentadbiran JAKIM. Dengan peralihan itu, maka berlaku perubahan yang melibatkan soal pengurusan organisasi dalam penetapan pegawai dan kakitangan sahaja dengan maksud pegawai dan kakitangan JAWI boleh ditukarkan ke mana-mana bahagian negeri gunasama JAKIM.

Bagi melaksanakan objektif dan fungsi JAWI di atas dan perkembangan semasa, diwujudkan dua bahagian dan beberapa sub unit iaitu;

- i. Bahagian pentadbiran dan Kewangan
- ii. Bahagian Dakwah (*Ibid*).

Di sini penulis akan menerangkan kepada bahagian Dakwah kerana ianya yang bertanggungjawab khusus dalam pendakwahan terhadap umat Islam dan golongan belia sepertimana berikut;

Bahagian Dakwah

Bahagian ini dipecahkan kepada Unit Karyah, kebajikan dan Unit Pelajaran Umum. Selain itu dibahagikan pula beberapa sub unit seperti

Unit Kebajikan Am, Unit Saudara Baru, Unit Pentadbiran Karyah, Unit Pelajaran dan Pendidikan, Unit Pembangunan Sahsiah dan Unit Penerbitan yang masing-masingnya mempunyai peranan dalam memenuhi objektif dan tanggungjawabnya. Dalam pembangunan sahsiah belia yang khususnya menetap di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, JAWI melaksanakan beberapa program yang dikendalikan oleh Unit Pembangunan Sahsiah bertujuan antaranya ialah untuk melatih belia dalam menghayati segala kefarduan solat, membina akhlak mulia dan membentuk kepimpinan berlandaskan kehendak Islam yang sejati. (Temu bual; Ustaz Zakaria Isa, Penolong Pengarah Pembangunan Sahsiah pada 12/7/2000).

b. Pelaksanaan Program dan Sambutannya

Di antara program-program yang tersebut ialah;

1. Program Motivasi Remaja.
2. Kursus Bina Insan.
3. Khemah Ibadat.
4. Bengkel Solat dan
5. Kem Motivasi Pelajar (*Ibid*).

Program Motivasi Remaja menjurus kepada pemulihan sikap para remaja untuk menjadi seorang yang berwawasan. Program Kursus Bina Insan menekankan kepada para belia tentang sahsiah, akhlak dan aqidah.

Program Khemah Ibadat tertumpu kepada persoalan ibadat secara amali kepada belia. Program Bengkel Solat membicarakan tentang kualiti sembahyang dan mendirikannya kepada kakitangan kerajaan. Program Kem Motivasi Pelajar pula dilaksanakan kepada ketua-ketua pelajar yang membincangkan tentang kepimpinan dan sebagainya.

Program-program tersebut dilaksanakan sebanyak tiga kali setahun bagi setiap program. Pelaksanaannya pada hujung minggu bertempat di Kuala Lumpur dan di luar Kuala Lumpur yang memakan masa empat hari tiga malam. Program-program ini juga, dilaksanakan oleh JAWI dengan kerjasama agensi-agensi seperti Jabatan Pendidikan, Persatuan Belia 4B, Majlis Belia Malaysia dan Jawatankuasa masjid di seluruh Wilayah Persekutuan.

Bentuk program dilaksanakan melalui ceramah, bengkel, latihan dalam kumpulan dan permainan berbentuk peningkatan pemikiran dan sikap peserta, bimbingan ibadat secara teori dan praktikal, qiamullail dan rekreasi. Peserta program-program terdiri daripada beberapa kumpulan 40 orang bagi setiap program. Peserta yang menghadiri program adalah dari ahli-ahli kariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terdiri daripada golongan belia, pelajar sekolah menengah dan pelajar yang sedang menunggu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Penilaian Menengah Rendah dan kakitangan kerajaan.

Sambutan para peserta terhadap program-program yang dianjurkan oleh JAWI sangat menggalakkan. Sambutan peserta mencukupi kuota dan dari penilaian yang dibuat oleh pihak JAWI, mereka amat berminat untuk menambah ilmu dan kandungannya pula sesuai untuk mereka. Permintaan dari Ibubapa peserta sangat memberansangkan lebih-lebih lagi pada cuti persekolahan. Tambahan pula program ini diadakan secara percuma (*Ibid*).

3. YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA (YADIM)

a. Pengenalan Ringkas YADIM

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (selepas ini di sebut YADIM) telah ditubuhkan pada 25 Januari 1974 di bawah Ordinan Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952 No.73 dan diperakukan pendaftarannya pada 30 Mei 1974 (Sumber; Pengenalan Ringkas Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)).

Antara objektif YADIM ialah;

- a. Menyampaikan Islam bersumberkan al-Quran dan Sunnah mengikut Ahli Sunnah Wal-Jammaah.
- b. Mengembangkan penghayatan Islam dengan pendekatan sederhana, benteras penyelewengan dan berdakwah secara berhikmah dalam masyarakat.

- c. Membantu mengukuhkan organisasi, pertubuhan dan institusi Islam bagi membina imej Islam dalam berbagai bidang.
- d. Melatih tenaga dan penggerak dakwah serta mendokong usaha-usaha YADIM.
- e. Membantu orang-orang Islam bagi meningkatkan keupayaan diri,
- f. bersahsiah kukuh, berbudaya teguh dan berakhlak mulia.
- g. Menggunakan kemajuan teknologi dan kekuatan ilmu supaya usaha-usaha dakwah lebih berkesan.

Kumpulan sasar prgoram YADIM terbahagi kepada dua bahagian iaitu;

- i. Orang Awam atau Dewasa seperti; ahli-ahli profesional, perniagaan, badan-badan bukan kerajaan, orang awam dan ahli politik.
- ii. Generasi muda seperti; pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah, IPT, belia, pekerja kilang, persatuan belia dan remaja yang berunifon.

b. Perlaksanaan Program dan Sambutannya

Program-program yang dilaksanakan oleh YADIM ke arah pembinaan sahsiah belia dan remaja ialah;

- a. Kem Motivasi Remaja
- b. Kursus Peningkatan Remaja

- c. Kursus Bina Ummah dan
- d. Program Tunas Remaja Bersahsiah.

Objektif program-program tersebut ialah:-

1. Untuk membentuk sahsiah, keterampilan dan kemahiran dengan bertunjangkan ajaran Islam yang murni.
2. Membentuk remaja yang cemerlang dan berketerampilan.
3. Membangun keinsafan dan membina keyakinan diri remaja untuk mencapai kejayaan.
4. Memupuk setiabudi remaja terhadap ibu bapa dan membina landasan iman dan taqwa supaya menjadi teras kecemerlangan.

a. Program Kem motivasi Remaja

Program ini dilaksanakan tiga kali setahun yang memakan masa tiga hari dua malam bertempat di khemah atau chalet di luar kawasan Kuala Lumpur. Peserta Kem ini seramai 80 orang yang dipilih dari seluruh negeri. Pengisian Kem ini melalui ceramah, bengkel, kuliah Subuh dan maghrib, program hayati malam (cara tutup mata dan muhsabah diri) dan pembentangan kertas kerja (Temu bual dengan Ustaz Kamarudin Mustafa, Pegawai Penyelaras Bahagian Dakwah pada 2/10/2000).

b. Kursus Peningkatan Remaja

Program ini dilaksanakan dua kali setahun di mana pesertanya terdiri daripada 80 orang bagi satu siri yang berumur 16 tahun ke atas dan di pilih dari seluruh negeri. Kursus ini diadakan di dalam dewan dan dijalankan melalui ceramah, bengkel, Jungle Trakking dan kawad pada setiap pagi.

c. Kursus Bina Ummah

Kursus ini diadakan dua puluh empat kali setahun. Pesertanya seramai 100 orang ke atas bagi satu siri yang berumur 30 tahun ke atas dan yang terdiri daripada masyarakat umum. Kursus ini dijalankan selama 2 hari satu malam dan berbentuk ceramah umum dan lawatan ke tempat-tempat keilmuan.

d. Program Tunas Remaja Bersahsiah.

Program ini dilaksanakan sebanyak 36 kali setahun di mana Pesertanya seramai 80 orang bagi satu siri dan diambil mengikut daerah. Program diadakan satu hari sahaja berbentuk ceramah agama, bengkel, ceramah daripada pegawai Penjara dan tayangan video.

Bagi merealisasikan tujuan-tujuan tersebut khususnya bagi membina keperibadian golongan muda YADIM telah melaksanakan Bengkel 3P (Pembimbing, Pembicara dan Pemudahcara). Objektif Bengkel ini ialah membentuk pasukan angkatan muda yang

berketerampilan, berpotensi, berilmu, dan berkemahiran dalam mendidik para remaja dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan mereka yang dianjurkan oleh YADIM. Manakala matlamatnya pula ialah membimbing dan memupuk keperibadian di kalangan generasi muda demi melahirkan golongan muda muslim yang bersahsiah, berketerampilan, berwibawa dan berkualiti.

Sambutan peserta-peserta terhadap program-program yang dilaksanakan oleh YADIM telah mendapat kerjasama semua pihak. Memadangkan kesedaran dan kebimbangan Ibubapa terhadap anak-anak mereka dalam keadaan semasa, menyebabkan sambutan kepada program-program ini melebihi kuota yang diperlukan. Oleh itu YADIM memerlukan program tambahan bagi memenuhi permintaan tersebut. Mereka juga sanggup membayar jika pihak YADIM mengenakan bayaran. Mereka amat berminat kerana kandungan program ini bercorak agama, tempat program dilaksanakan di luar Kuala Lumpur dan sesuai dengan peserta untuk mendapat pengalaman baru. Dari penilaian yang dibuat YADIM menerima pandangan peserta bahawa program ini berkesan dan berharap ianya patut diteruskan. YADIM juga telah membuat pamantaun dari masa kesemasa dengan peserta atau Ibubapa peserta tentang perkembangan anak-anak mereka begitulah sebaliknya. Keadaan ini berterusan terutama pada hariraya, musim peperiksaan dan sebagainya. Selain itu YADIM juga menerima kerjasama yang baik pertubuhan-pertubuhan belia, pengurus-pengurus FELDA dan lain-lain agensi yang terlibat (*Ibid*).

Di antara badan-badan bukan kerajaan ialah;

1.PERSATUAN KEBANGSAAN PELAJAR ISLAM MALAYSIA (PKPIM)

a. Pengenalan Ringkas PKPIM

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) merupakan satu Gerakan Pelajar Islam terbesar yang menaungi seluruh persatuan pelajar Islam dalam semua peringkat pelajar di Malaysia. PKPIM ditubuhkan pada 31 Mac, 1961 bertempat di asrama kedua Universiti Malaya Kuala Lumpur. Pada awal penubuhannya persatuan ini dikenali Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Persekutuan Tanah Melayu (PKPIPTM) dan dengan semangat pembentukan Malaysia, maka pada 29 September 1965 di tukar menjadi PKPIM. Persatuan ini ditubuhkan oleh satu kumpulan pelajar terdiri 10 orang pemimpin Pelajar dari beberapa institusi pengajian tinggi dari sekitar Kuala Lumpur iaitu Universiti Malaya, Maktab Teknik Kuala Lumpur (sekarang Universiti Teknologi Malaysia), Maktab Pertanian Malaysia (sekarang Universiti Pertanian Malaysia), Kolej Islam Malaya (sekarang Maktab Perguruan Islam) dan Maktab Perguruan Bahasa (PKPIM, 1968-1988).

b. Pelaksanaan Program dan Sambutannya

Mengikut Ahmad Safaruddin Yusof, secara umumnya program-program yang dilaksanakan ke arah pemantapan sahsiah belia antaranya ialah melalui tiga program atau aktiviti asas iaitu;

1. Program Asas yang dilaksanakan sepanjang tahun kepada ahli-ahlinya dan bukan ahlinya melalui aktiviti-aktiviti usrah dan muzakarah. Aktiviti ini bertujuan untuk menjalinkan hubungan erat dan memamatkan peribadi di kalangan pelajar dan masyarakat.
2. Program Kaderisasi yang diadakan berbentuk siri-siri kepimpinan dan kem-kem motivasi melalui kursus-kursus dan bengkel-bengkel yang di kendalikan melalui ceramah, tayangan video, rekreasi dan sebagainya. Program-program ini dilaksanakan di kalangan pelajar-pelajar bertempat di sekolah, maktab, universiti dan lain-lain institusi.
3. Program-program Umum yang dilaksanakan bertujuan untuk berbakti kepada masyarakat. Program-program ini diadakan melalui beberapa forum, seminar, ceramah, lawatan dan penerangan melalui bahan-bahan penerbitan (Temubual dengan Encik Ahmad Safaruddin Yusof, Naib Presiden Kebangsaan PKPIM pada 23/10/2000).

Kumpulan peserta program ini tidak terhad kerana ianya terbuka kepada ahli-ahlinya. Jika aktiviti yang diadakan untuk pelajar atau masyarakat, kuotanya dihadkan 100 orang sahaja.

Sambutan para peserta terhadap program-program yang dianjurkan oleh PKPIM mendapat kerjasama dan ada ketikanya diwajibkan terhadap ahli-ahlinya untuk mengikutinya. Program-program yang dilaksanakan oleh PKPIM sasarannya terdiri daripada para mahasiswa/mahasiswi, pelajar-pelajar sekolah menengah, pekerja kilang dan lain-lain.

Kebanyakan program dilaksanakan dengan kerjasama pihak sekolah, persatuan-persatuan pelajar dan ketua-ketua masyarakat dan dengan ini program yang diadakan itu dapat diadakan secara tersusun oleh PKPIM. Masa pelaksanaan program-program itu juga, diadakan pada masa cuti pengajian dan tidak menjadi halangan kepada peserta yang akan mengikutinya (*Ibid*).

2. GERAKAN BELIA 4B

a. Sejarah Ringkas Gerakan Belia 4B

Gerakan Belia 4B berasal dari singkatan perkataan “ Bersatu, Belajar, Bekerja dan Berkhidmat”. Belia 4B diasaskan oleh seorang guru Tuan Haji Kassim Shah dari sekolah Lelaki Methodist, Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur yang sangat berminat dengan aktiviti kebajikan dan politik tanahair. Beliau telah berkhidmat dengan persatuan selama 7 tahun (1960-1967). Antara tokoh yang seangkatan dengan beliau ialah Ismail Kadir dari Negeri Sembilan, Mohd. Zain dan Haji Mohd. Yusof dari Selangor, Haji Jaafar Lazim dari Melaka, YB. Alias Ali dari Kelantan, Allahyarham Zainal Abidin dari Perak, Tuan Haji Wahab dari Kuala Lumpur dan Tan Sri Samad Idris (Persatuan Belia 4B, 2000).

Pada awal penubuhannya Belia 4B menjalankan aktiviti di dalam bidang pertanian, perniagaan, agama, kebudayaan dan memajukan sosio ekonomi di luar bandar. Kegiatan keagamaan yang terawal ialah

menyertai perarakan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan dan gotong royong di jalan masuk ke Kuala Kubu Baru. Bakat ahli-ahlinya dapat dilihat dalam Musabaqah al-Quran dan perarakan sempena Hari Kebangsaan pada tahun 1965.

Bermotokan "BERGERAK" badan ini mendapatkan sokongan padu Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan pada 3 Ogos, 1965. Belia 4B dirasmikan oleh YB. Engku Dato' Mohsein Abd. Kadir, Menteri Muda Kementerian Belia dan Sukan bertempat di Dewan Belia Kampong Pandan. Pada permulaannya Belia 4B mempunyai seramai 1500 orang ahli sahaja. Dengan pelbagai usaha dan galakkan Allahyarham Tun Abdul Razak, Menteri Pembangunan Luar Bandar pada masa itu keahliannya bertambah kepada 300,000 orang dan kini ahlinya meningkat menjadi 100,000 orang. Antara tokoh-tokoh yang dilahirkan oleh Belia 4B ialah seperti; Dato' Tajol Rosli, Dato' Haji Suhaimi Haji Kamaruddin, Dato' Wira Ali Rustam, Allahyarham Haji Hussein Mahmud, Datuk Muhamad Rahmat, Senator Faridah dan ramai lagi. Pada masa ini Belia 4B diterajui oleh Presidennya YAB, Dato' Wira Ali Rustam, Ketua Menteri Melaka Sekarang (*Ibid*).

b. Pelaksanaan Program dan Sambutannya

Di antara program yang dilaksanakan oleh Belia 4B bagi membina sahsiah belia dan ahlinya Belia 4B ialah melalui ceramah-ceramah berbentuk agama yang diadakan bagi peringkat cawangan, kawasan,

negeri dan kebangsaan di seluruh negara yang melibatkan 3,000 cawangan dan 135 kawasan (semua kawasan pilihan raya). Peserta program ini tidak terhad kerana ianya dihadiri oleh ahli-ahlinya dan ketua peringkat-peringkat berkenaan. Belia 4B juga mengadakan program-program yang berbentuk kursus-kursus jati diri yang diadakan di dewan-dewan dan khemah yang di isi dengan ceramah dan forum. (Temu bual dengan Encik Munawar Hj. Nor, Setiausaha Eksekutif Belia 4B pada 5/9/2000).

Selain itu Belia 4B juga mengadakan kursus Bina Insan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Biro Tatanegara. Kursus diadakan bertujuan untuk membina sahsiah remaja dan memantapkan semangat kepimpinan dan sebagainya. Kursus ini dilaksanakan melalui ceramah-ceramah, rekreasi dan tidak meninggalkan program kuliah subuh bagi setiap program (*Ibid*).

Belia 4B juga mengadakan Pertandingan Tilawah al-Quran di seluruh negara sebanyak 2 tahun sekali. Program ini pada mulanya diadakan pada peringkat zon dan johan pada peringkat ini akan mewakili ke peringkat kebangsaan. Selain yang tersebut di atas Belia 4B juga mengadakan program-program berbentuk agama yang lain dan di laksanakan oleh 2 orang tenaga pegawai agama Belia 4B sendiri berdasarkan kemampuan kewangan badan ini. Program ini dilaksanakan berbentuk forum dan diskusi. Tajuk-tajuk program yang disampaikan oleh penceramah adalah mengikut modul dan isu-isu semasa. Kebanyakan peserta program-program yang dilaksanakan oleh Belia 4B yang

berbentuk kursus biasanya dihadiri oleh 40 dan 100 orang mengikut kesesuaian tempat dan kewangan badan ini. Tetapi jika ianya berbentuk usrah ianya tidak dihadkan bilangannya bahkan diwajibkan pula kepada ahli-ahlinya untuk menghadirinya (*Ibid*).

Sambutan terhadap program-program yang dilaksanakan oleh Belia 4B mendapat sambutan daripada para peserta. Biasanya program-program yang dianjurkan oleh Belia 4B, kebanyakannya dihadiri oleh pemimpin-pemimpin Belia 4B peringkat kawasan dan negeri. Dengan ini kehadiran peserta bagi setiap program tidak menjadi masalah kepada pihak penganjur. Begitu juga jika program itu dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi lain, biasanya Belia 4B mendapat kerjasama yang baik dari segi peyediaan peserta, tempat, bantuan kewangan dan sebagainya (*Ibid*).

3. Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM)

a. Pengenalan Ringkas JIM

Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM) merupakan sebuah pertubuhan Islam yang diluluskan pendaftarannya pada 27 Julai 1990.

Dasar JIM ialah Islam dan objektifnya ialah:

1. Mendukung cita-cita dan aspirasi Islam yang unggul.

2. Melaksanakan kegiatan dakwah Islamiah kepada semua lapisan masyarakat.
3. Menggembeng tenaga masyarakat dalam rangka membentuk masyarakat yang progresif dan dinamis dalam semua aspek kehidupan.
4. Mendukung konsep kesatuan berdasarkan kepada prinsip persaudaraan Islam dan nilai-nilai kemanusiaan sejagat.
5. Mencapai objektif-objektif lain yang dituntut oleh al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. dengan tidak melanggar mana-mana peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan atau Majlis Agama Islam dan Enekmennya (Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM) dan Kelab Remaja JIM (KRJ, 1996).

b. Pelaksanaan Program dan Sambutannya

Selaras dengan tuntutan Islam dan di dalam usaha mengisi cita-cita bagi membina sahsiah dan hasrat Wawasan 2020 Negara serta misi keseluruhannya, JIM telah menubuhkan Kelab Remaja JIM (KRJ). KRJ ditubuhkan di atas kesedaran bahawa golongan ini perlu diberi penumpuan bagi menjamin kecemerlangan masa depan suatu masyarakat. Di samping hakikat ini, golongan remaja berada di antara zaman kanak-kanak dan zaman dewasa yang bersifat suka mencuba, suka kegiatan yang mencabar dan mula mencari identiti diri sudah pasti mendedahkan mereka dengan berbagai pengalaman dan pengaruh. Menyedari hakikat dan realiti ini, JIM telah meletakkan remaja satu daripada fokusnya dan akan berusaha

untuk menjadikan KRJ yang mampan dan berwibawa bagi melahirkan remaja yang berwawasan, bersahsiah dan dinamik di Malaysia.

Objektif KRJ ialah ;

1. Melahirkan generasi remaja kini untuk mengisi barisan kepimpinan pada masa hadapan.
2. Membina generasi remaja yang prihatin, dapat memberi sumbangan terhadap kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat dan negara.
3. Mengembangkan potensi individu secara menyeluruh, bersepadu serta keupayaan mencapai kesejahteraan diri.
4. Melahirkan generasi yang berwawasan, bersahsiah dan dinamik.

Bagi mencapai cita-cita murni tersebut JIM melaksanakan beberapa program khususnya untuk membina sahsiah golongan belia di seluruh negara seperti;

- a. Perkhemahan/Ekspedisi
- b. Program Jayadiri
- c. Program Pembangunan Kerjaya
- d. Bengkel Teknik Pembelajaran Berkesan
- e. Kursus Motivasi.
- f. Ekspedisi Remaja Kental

Program-program di atas dilaksanakan melalui ceramah, usrah, bertadarus, pembentangan kertaskerja, jungle tracking, bengkel, qiamullail, tayangan video dan lain-lain lagi. Kebanyakan program-program tersebut diadakan di dewan, khemah, bukit atau gunung, dan kem-kem yang dipilih di seluruh negara. Pendekatan JIM juga menjadikan masjid sebagai *focal Point* bagi setiap kegiatan remaja. JIM menjadikan Masjid dengan mengadakan program-program yang benar-benar memenuhi citarasa para remaja. Pihak masjid pula memberi kerjasama dalam bentuk tenaga dan kewangan. Melalui penyusunan Kelab Remaja JIM ini, JIM telah bekerjasama dan diberi sokongan yang baik dari berbagai pihak termasuk pihak pentadbiran masjid dan sebagainya (*Ibid*: 3-4).

Selain program-program di atas, JIM juga melaksanakan beberapa program lain diantaranya ialah;

- a. Perkhemahan Warga Industri (KEMWI) yang dilaksanakan dalam bentuk perkhemahan. Pengisian program melalui ceramah kefahaman Islam dan penghayatannya di mana para pesertanya tertumpu kepada para belia yang bekerja di kilang.
- b. Ekspedisi Remaja Kental (EKREK) yang dilaksanakan dalam bentuk fizikal dan kesedaran kepada para peserta bagi menghadapi cabaran sosial semasa dan mereka juga dilatih untuk menjadi kader-kader dakwah JIM.
- c. Taman Remaja Unggul (TRU) yang menjadikan sesuatu tempat untuk berkumpul bagi merancang untuk menjalankan beberapa aktiviti

kebajikan dan sebagainya. Para peserta yang terlibat dalam program ini ialah para peserta yang pernah mengikuti program Kelab Remaja JIM (KRJ).

d. Perkhemahan Ramadhan yang dilaksanakan pada 10 hari terakhir dalam bulan Ramadhan pada setiap tahun. Program ini bertujuan untuk membina kerohanian para peserta yang terdiri daripada para pelajar sekolah dan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia. Pengisian program ini melalui bertadarus, ceramah, motivasi ibadat dan sebagainya.

e. Unit Kaunseling Islah (UKI) yang memberi khidmat kepada peserta melalui talipon, e-mail dan sebagainya

f. Memfokuskan isu-isu antarabangsa yang ada hubungkait dengan remaja

g. Melakukan ibadat Qurban dengan kerjasama Mufti Negara Kamboja

h. Menangani isu-isu wanita yang ada hubungkait dengan syariah melalui usrah dan seminar.

i. Dakwah kepada belum Islam melalui pertemuan, perbincangan dan dialog dengan bekas paderi dan sami.

Penentuan Peserta terhadap program-program yang dilaksanakan oleh JIM biasanya dihadiri oleh 40 dan 100 orang jika ianya dilaksanakan dalam bentuk kursus atau bengkel. Tetapi jika ianya dilaksanakan dalam bentuk usrah, forum, kerja-kerja kebajikan dan sebagainya kehadiran para peserta tidak dihadkan dan terkadang melebihi 100 orang.

Selain sambutan daripada ahli-ahli JIM sendiri, program-program yang diadakan oleh JIM telah mendapat sambutan dari semua pihak lebih-

lebih lagi pihak masjid, Ibumaba dan para peserta. Dengan inisiatif JIM sedikit sebanyak imarah masjid dapat diceriakan oleh belia dengan berbagai aktiviti yang berfaedah. Kebanyakan program yang dilaksanakan oleh JIM bermula dan penamat di masjid. Begitu juga bagi ibubapa telah memberi kerjasama yang baik kepada JIM dengan menghantar anak-anak muda mereka untuk mengikuti program-program yang dianjurkan oleh JIM. Dalam suasana dan kebimbangan pada masa ini, Ibumaba sering kali menghubungi JIM untuk mendapatkan maklumat program, nasihat, kauseling dan sebagainya bagi membantu anak-anak belia mereka dalam menghadapi cabaran hidup. Dari penilaian yang dibuat oleh pihak JIM terhadap belia yang telah mengikuti program-program ini mendapati, mereka telah mendapat banyak input yang sangat berfaedah kepada peserta. Mereka juga amat berminat kerana kebanyakan program-program JIM berbentuk rekreasi dan tak secara langsung pula diselitkan dengan unsur-unsur agama (Temu bual dengan Encik Zahir bin Hassan yang di Pertua JIM, Kuala Lumpur pada 12/4/2001).

Dari perbincangan di atas disimpulkan bahawa inilah di antara agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang mengambil pengertian yang sama dengan pihak-pihak lain terhadap pembinaan sahsiah masyarakat belia di negara ini. Pembinaan itu dapat dilihat dalam perspektif Islam di mana setiap program itu dilakukan dengan mengambil kira melalui pengisian kejiwaan dan kebendaan secara serentak. Pembinaan sahsiah sangat penting dan semua pihak perlu memainkan

peranan masing-masing yang membawa amanah sebagai hamba Allah sekaligus khalifah Allah bagi membina sahsiah generasi belia supaya mereka mampu menghadapi cabaran-cabaran semasa.